

HADIAH PERTANDINGAN SECARA "PECAH TABUNG/ JACKPOT"

Pertandingan di dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-musabaqah* atau *as-sabq* yang bererti maju ke hadapan di dalam (perlumbaan) larian dan dalam perkara-perkara yang lain. Manakala *as-sabq* pula membawa maksud sesuatu yang menjadi rebutan dalam pertandingan.

Hukum sesuatu pertandingan pada asalnya adalah harus sekiranya tidak terdapat unsur-unsur yang dilarang oleh syarak seperti maisir (judi) dan gharar (penipuan). Oleh itu, sekiranya hadiah dan ganjaran tersebut diperolehi daripada pihak ketiga seperti penaja atau seumpamanya, manakala yuran yang dikutip dari setiap peserta digunakan bagi kepentingan bersama seperti untuk makan minum atau menanggung kos pengurusan yang lain, maka hukumnya adalah harus.

Pecah tabung ialah satu acara sampingan dalam pertandingan memancing di mana setiap peserta yang ingin memenangi hadiah perlu membayar yuran tertentu kepada penganjur untuk disimpan dalam satu tabung. Peserta yang berjaya menaikkan ikan dengan berat yang telah ditetapkan penganjur akan menerima keseluruhan wang dalam tabung tersebut. Jika tiada peserta berjaya mencapai berat yang ditetapkan, wang tersebut akan dibawa ke pertandingan berikutnya sehingga terdapat pemenang. Tujuan utama pecah tabung adalah untuk menarik dan mengikat minat para pemancing supaya terus menyertai pertandingan yang dianjurkan.

Merujuk kepada isu yang diajukan, hadiah (ganjaran) yang ditawarkan oleh pihak penganjur adalah berasaskan daripada kutipan yuran setiap peserta. Hal ini menyebabkan setiap peserta tidak sunyi daripada menanggung kerugian jika tidak bernasib baik. Dalam erti kata lain, acara pecah tabung yang diadakan ini mengandungi unsur perjudian kerana melibatkan keuntungan bagi sesetengah pihak serta kerugian bagi sesetengah pihak yang lain.

Al-Imam Ibnu Qudamah *rahimahullah* dalam kitab al-Mughni menyebut: "Dan jika hadiah pertandingan atau permainan itu datang daripada kumpulan yuran peserta, maka ia adalah haram kerana ia tergolong dalam bab judi nasib *qimar*, dan kerana setiap peserta tidak sunyi dari peluang untuk meraih untung atau menanggung rugi.

Sebagai kesimpulan, kami menyarankan pihak penganjur agar hadiah yang ditawarkan bagi pertandingan tersebut tidak diambil daripada kutipan yuran peserta, akan tetapi berusaha untuk mendapatkan penaja atau seumpamanya bagi tujuan tersebut. Semoga penjelasan ini dapat memberi pencerahan dalam memahami agama menurut neraca syarak sebenar.